



Oleh:
Fatimah Kari

GAJI MINIMUM di MALAYSIA

Realiti dan Tuntutan

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), iaitu dari tahun 2010 hingga tahun 2015, memfokuskan model ekonomi baharu yang berkaitan dengan negara berpendapatan sederhana atau pertengahan. Isu gaji minimum merupakan asas dasar negara. Perbincangan rencana ini akan menggunakan rangka perangkap pendapatan pertengahan sebagai tunjang dalam usaha memulihkan ekonomi negara secara lebih mampan.



Gaji Mini – prinsip asas

International Labour Organization mentakrifkan gaji minimum sebagai satu amaun minimum yang ideal dan harus dibayar oleh majikan kepada pekerjaanya dan bersesuaian dengan keperluan minimum harian seseorang pekerja dan keluarganya. Dalam erti kata lain, kadar gaji minimum juga perlu selari dengan keadaan ekonomi dan sosial semasa dalam sesebuah negara.

Berdasarkan pasaran buruh sedia ada, isu gaji minimum menjadi perbalahan antara pihak majikan dengan pekerja. Golongan majikan mengakui bahawa pelaksanaan pembayaran gaji minimum akan merugikan mereka kerana pembayaran gaji minimum melibatkan kos operasi yang tinggi. Bagi pihak pekerja pula, isu ini dilihat sebagai hak asasi bagi golongan pekerja kerana kadar upah minimum akan mengelakkan isu penindasan terhadap golongan pekerja.

Perdebatan antara pihak majikan dengan pekerja timbul kerana kedua-dua pihak mempunyai pemikiran yang bertentangan. Namun, kesan pelaksanaan gaji minimum tidak dapat dilihat dalam bentuk “hitam putih” seperti yang didakwa oleh kedua-dua pihak.

Kajian teori banyak membincangkan pelbagai kesan yang bakal dihadapi sekiranya gaji minimum dilaksanakan. Berdasarkan teori, pelaksanaan gaji minimum akan menyebabkan pengangguran. Hal ini demikian kerana golongan pekerja akan cuba mendapatkan pekerjaan atas insentif paras gaji minimum. Oleh hal yang demikian, mereka yang mendapat pekerjaan berdasarkan tawaran gaji atau upah yang ditetapkan, perkara ini merupakan satu habuan yang berfaedah.

Pada masa yang sama, perlu disedari bahawa pasaran buruh bukanlah pasaran yang boleh mencapai titik keseimbangan

(tanpa pengangguran) secara automatik semata-mata kerana kadar upah yang ditawarkan. Oleh sebab reaksi setiap individu yang berbeza terhadap insentif upah, maka tidak semua orang yang akan responsif terhadap insentif kadar upah minimum yang ditawarkan. Sebagai contohnya, kadar gaji minimum tidak akan menarik minat individu untuk bekerja kerana faktor jarak tempat kerja. Maka, akan berlaku pengangguran kesan akibat dasar gaji minimum yang dilaksanakan.

Sekiranya berlaku pengangguran, maka pasaran buruh akan menjadi pasaran majikan. Golongan majikan mempunyai kuasa pasaran dalam menawarkan pekerjaan. Terdapat kemungkinan besar bahawa majikan akan menawarkan gaji yang kurang daripada gaji minimum di pasaran. Meskipun perkara ini merupakan kesalahan dari segi undang-undang buruh, amalan ini tetap berlaku. Hal ini demikian kerana kurangnya penguatkuasaan secara konsisten dan sistematik.

Realiti seumpama ini hampir sama seperti yang sudah dinyatakan oleh pemikiran teori yang banyak dibincangkan dalam buku ekonomi pasaran buruh. Peranan kesatuan buruh sangat penting dalam mengimbangi kuasa tawar-menawar skim gaji atau upah serta membela nasib golongan pekerja sekiranya berlaku penindasan yang menyalahi undang-undang pekerja.

Gaji Sektor Perladangan – melepasi gaji minimum

Dalam situasi tertentu, dalam pelbagai sektor, termasuklah sektor perladangan mempunyai dinamik yang tersendiri dalam menentukan gaji atau upah yang diterima oleh pekerja. Umum mengetahui bahawa sektor perladangan di Malaysia adalah antara sektor domestik terbesar dan mempunyai

rangkai perdagangan antarabangsa yang tinggi. Malangnya, rangkaian domestik melalui gaji atau upah buruh tidak dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana peluang pekerjaan di sektor perladangan didominasi oleh pekerja asing yang menerima gaji yang agak lumayan, dan ada kalanya melepasi tahap gaji minimum yang ingin dituntut oleh golongan pekerja.

Berdasarkan kajian penulis, upah buruh yang diterima oleh pekerja asing boleh mencecah setinggi RM3500.00 bagi 20 hari bekerja dalam satu bulan di sektor ladang kelapa sawit di beberapa buah negeri. Habuan tambahan seperti kemudahan perumahan yang disediakan, elaun pakaian, pengangkutan, dan sebagainya menjadikan kadar gaji atau upah jauh melepasi kadar gaji atau upah minimum sedia ada.


Proses kerja di sektor ladang yang berbeza mengikut tahap, jenis dan peringkat pengeluaran, menyebabkan kadar gaji atau upah yang diterima oleh buruh adalah berbeza mengikut proses kerja yang dilakukan. Kajian penulis juga mendapati kadar gaji atau upah sebanyak RM3500.00 untuk 20 hari berkerja hanyalah untuk jenis pekerjaan yang agak intensif, iaitu bagi buruh (manual) yang melakukan kerja seperti memetik dan memungkah buah sawit di ladang luar bandar.

Selain itu, perlu disedari bahawa pasaran buruh di Malaysia bukanlah satu bentuk pasaran homo jenis dan pelbagai sifatnya. Kepelbagaian seumpama ini adalah disebabkan oleh faktor wilayah, tahap kemahiran dan pengalaman kerja golongan buruh. Sebenarnya, golongan buruh merupakan entiti yang mempunyai kemahiran tertentu dan agak sukar untuk ditukar ganti disebabkan oleh pengaruh pengalaman dan latihan yang diterima.

Isul latihan dan kemahiran inilah yang menyebabkan buruh sebagai input pengeluaran yang agak unik dan strategik yang menjadikan isu gaji atau upah minimum pokok persoalan dalam proses pertumbuhan ekonomi negara. Dalam erti kata lain, gaji atau upah minimum tidak boleh ditetapkan dalam konteks paras dan tahap gaji yang statik. Sebaliknya, perlu berteraskan kebolehan serta pengalaman kerja.

Gaji Minimum Tidak Akan mengatasi kemiskinan

Terdapat hujah yang diutarakan, iaitu gaji minimum akan menjadi wadah untuk menyelesaikan



Berdasarkan kedudukan ekonomi semasa yang masih melalui proses pemulihan, pelaksanaan skim gaji minimum dianggap langkah yang berani dalam membela kebajikan pekerja.

masalah kemiskinan. Jika diteliti, hujah seumpama ini adalah tidak benar. Hal ini demikian kerana jika asasnya begitu, maka gaji minimum harus ditetapkan pada garis kemiskinan negara yang diguna pakai, iaitu bersamaan dengan RM2089.00 sebagai Paras Garis Kemiskinan rasmi dan bukannya RM1500.00.

Kadar gaji minimum sebanyak RM1500.00 sebulan adalah agak rendah, terutama sekali dari segi kos sara hidup yang tinggi, khususnya di bandar. Jika gaji minimum perlu dijadikan pakej di bawah program pembasmian kemiskinan negara, maka adalah lebih pratikal jika gaji minimum yang dicadangkan dilihat dalam konteks konsep gaji atau upah untuk sara hidup (*living wage*) yang pernah dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) suatu ketika dahulu.

Paras gaji atau upah kos sara hidup merupakan jumlah gaji atau upah yang diberi untuk memastikan keperluan asas seperti makanan, keperluan kesihatan dan pendidikan keluarga diambil kira dalam menetapkan

gaji asas yang patut ditawarkan di pasaran. Selain itu, gaji atau upah kos sara hidup juga mengambil kira tanggungan, terutamanya bilangan anak-anak dan individu dalam tanggungan sesebuah keluarga.

Sehubungan dengan itu, gaji atau upah kos sara hidup perlu diperincikan mengikut wilayah seperti bandar dan luar bandar. Selain itu, aspek wilayah serta kemajuan ekonomi sesuatu wilayah merupakan antara faktor penanda aras dalam menentukan paras gaji atau upah sara hidup. Hal ini akan memastikan pengagihan faedah ekonomi dapat diselaraskan dengan kadar upah yang diguna pakai.

Dalam keadaan tertentu, perkara ini akan membawa pelbagai faedah dari aspek pembangunan wilayah demi merapatkan jurang pembangunan wilayah dan kesenjangan yang berlaku dalam sistem ekonomi negara. Mengikut perkiraan BNM pada tahun 2018, upah kos sara hidup untuk sebuah keluarga di bandar raya seperti Kuala Lumpur adalah antara RM2700.00 dan RM6500.00 bergantung pada saiz keluarga serta kemudahan pengangkutan dan kemudahan awam yang dapat disediakan.

Terdahulu, kadar yang dicadangkan oleh BNM pada tahun 2018 adalah jauh lebih tinggi daripada nilai gaji minimum sebanyak RM1500.00 sebulan seperti yang disyorkan oleh kerajaan. Pada prinsipnya, nilai hakiki paras gaji minimum bukan menjadi isu yang utama, tetapi penetapan gaji minimum perlu melihat prinsip asas yang diguna pakai dalam menentukan gaji atau upah kos sara hidup yang pernah dicadangkan oleh BNM.

Berdasarkan kedudukan ekonomi semasa yang masih melalui proses pemulihan, pelaksanaan skim gaji minimum dianggap langkah yang berani

dalam membela kebajikan pekerja. Dalam jangka masa panjang, skim ini dijangka akan membantu kebajikan pekerja, khususnya dari aspek perlindungan sosial dengan adanya caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) atau Social Security Organisation (SOCSO).

Gaji minimum harus diselaraskan dengan kos sara hidup. Berdasarkan perbandingan gaji atau upah kos sara hidup, majikan sepatutnya menerima skim gaji minimum yang bakal dilaksanakan sebagai proses “tolak ansur” yang boleh menyelaraskan pasaran buruh secara lebih gradual tanpa kejutan mendadak. Dalam hal ini, perkara yang penting ialah pekerja diberi perlindungan terbaik dan usaha mengguna pakai kadar upah minimum yang berteraskan kadar kos sara hidup boleh mewujudkan kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan rakyat.

Penerimaan skim gaji minimum yang diselaraskan dengan kadar kos hidup merupakan satu usaha atau jalan keluar daripada perangkap negara yang berpendapatan sederhana. Penyelarasan ini semakin mendesak apabila kadar inflasi negara merupakan beban dan cabaran baharu kepada proses pemulihan negara dalam jangka masa pendek.

Nilai buruh dan Ekonomi Negara

Dalam konteks pemulihan ekonomi negara, penjana pertumbuhan domestik yang kukuh sangat diperlukan. Seperti sedia maklum, negara terus berusaha dengan gigih untuk memulihkan ekonomi negara selepas dilanda COVID-19, musibah alam sekitar dan krisis perang di Eropah Timur.

Perdebatan klasik yang berlaku dalam sains ekonomi tetap tertumpu kepada isu penggunaan modal dan buruh dalam usaha

merencanakan ekonomi. Tidak dinafikan bahawa faktor lain seperti tanah, sumber galian dan sumber asli merupakan input yang penting dalam proses pertumbuhan negara. Namun begitu, perimbangan antara penggunaan modal dan buruh menjadi aspek utama yang disebabkan oleh dua faktor.

Pertama, pemodal sering mencari jalan untuk mengimbangi antara penggunaan modal dengan buruh. Pada asasnya, perimbangan ini ditentukan oleh faktor kos yang sekiranya upah meningkat disebabkan oleh dasar upah minimum, maka firma mungkin beralih untuk menggunakan mesin dan teknologi yang tidak memerlukan keperluan tenaga buruh yang tinggi.

Dalam konteks ini, tenaga buruh perlu terus dilatih untuk memudahkan proses penggunaan teknologi yang lebih cekap. Oleh itu, jika majikan sanggup mengadakan skim latihan untuk para pekerja, maka kemahiran mereka akan meningkat dan upah yang diterima mestilah melambangkan kemahiran tersebut.


Kedua, pasaran buruh domestik harus mempunyai daya serap untuk menawarkan pekerjaan di samping menjamin produktiviti yang tinggi. Usaha untuk melindungi kebajikan golongan buruh dan pekerja akan melestari prospek pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini demikian kerana buruh merupakan satu-satunya input pengeluaran yang mempunyai “kandungan domestik” yang tinggi. Kandungan domestik yang tinggi akan mempengaruhi kuasa beli dalam negara.

Dalam proses untuk memulihkan ekonomi negara, gaji atau upah yang akan dibelanjakan dalam sistem ekonomi domestik akan jauh lebih berfaedah berbanding dengan pelaburan modal untuk membeli teknologi dari luar. Tidak dinafikan

bahawa teknologi boleh menjamin produktiviti, tetapi jika negara bergantung sepenuhnya pada negara luar untuk peralatan mesin dan teknologi, maka pengaliran keluar sumber dana negara akan hanya merugikan negara. Hal ini menjadi lebih kritikal dalam usaha Malaysia memulihkan ekonomi negara.

Malaysia seharusnya memulihkan ekonomi negara dengan meningkatkan nilai tambah (*value added*) domestik pada setiap peringkat proses pengeluaran. Sebagai contohnya, jika buruh merupakan satu-satunya input dalam proses pengeluaran, maka upah yang diberi seharusnya diselaraskan dengan produktiviti atau keuntungan yang diterima oleh syarikat.

Perkara ini seharusnya dijadikan asas dalam membangunkan model pasaran buruh negara untuk membangunkan ekonomi negara berasaskan nilai tambah domestik yang tinggi. Kewujudan pasaran buruh yang dinamik adalah penting demi memelihara kelangsungan kehidupan pekerja dalam usaha untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara yang masih berdepan dengan kejutan seperti COVID-19, bencana alam dan juga risiko perang Russia-Ukraine yang berlarutan.

Dalam hal ini, perkara yang perlu dilakukan ialah mengupayakan golongan buruh bukan sahaja dari segi gaji atau upah minimum yang berteraskan produktiviti dan kos hidup semasa, tetapi juga menyelaraskan pasaran buruh selari dengan cabaran yang dihadapi oleh negara. Usaha pemulihan ekonomi pasca-COVID-19 perlu merangkumi usaha untuk keluar daripada perangkap negara yang berpendapatan pertengahan. 

Profesor Fatimah Kari ialah Penasihat Penyelidikan di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.